

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

RUJUKAN : 9114

SOALAN:

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat melaksanakan cadangan Ketua Polis Negara untuk meningkatkan lagi kadar saman kesalahan trafik.

JAWAPAN

Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai halangan atas cadangan Ketua Polis Negara untuk meningkatkan nilai kompaun trafik disebabkan peningkatan jumlah kes kemalangan jalan raya dari tahun ke setahun. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati dan lebih berhemah semasa memandu dan diharap akan memberi kesan positif yang mendalam bagi mendidik serta mengubah sikap masyarakat ke arah mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kerugian hartabenda. Tambahan pula, nilai kompaun maksima ini tidak pernah dikaji sejak Akta Pengangkutan Jalan 1987 dikuatkuasakan lebih 29 tahun yang lalu dan kadar kompaun sedia ada tidak menimbulkan perasaan takut kepada pengguna jalanraya.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat kajian dan dalam proses mendapatkan pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana terdapat keperluan untuk meminda undang-undang terutamanya Sekyen 119 dan Sekyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga mendapatkan pandangan masyarakat umum sebelum ianya dilaksanakan.